



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-47
(20 Februari 2020)

Agenda 1.1: Aluan Pengerusi
Status Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
ISO 14001:2015 UPM

- ✓ **Cadangan ke arah pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001** tercetus pada **18 September 2012** melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-456 berkaitan laporan Jawatankuasa Pepandu Kampus Hijau UPM. Mesyuarat pada ketika itu bersetuju UPM melaksanakan EMS bagi **membantu program inisiatif hijau** dengan cadangan Pendaftar sebagai Wakil Pengurusan dan seorang pakar alam sekitar sebagai Timbalan Wakil Pengurusan EMS (yang juga Setiausaha Jawatankuasa Pepandu Hijau pada ketika itu)
- ✓ JPU telah meluluskan **pelantikan Wakil Pengurusan dan TWP EMS** serta struktur Jawatankuasa dan kos pelaksanaan EMS melalui minit Mesyuarat JPU kali ke-461 (24 Oktober 2012) dan minit kali ke-472 (30 Januari 2013)
- ✓ **Pelaksanaan EMS di UPM bermula tahun 2013** dan telah **berjaya mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004** pada **29 Disember 2014** dengan skop pensijilan **“Penyediaan Perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran”**. Penetapan skop ini dibuat dengan tujuan menetapkan sempadan (*boundary*) selaras dengan khidmat utama yang disediakan oleh universiti seperti yang disarankan oleh pihak badan Pensijilan



26 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat di bawah skop pensijilan EMS

- i. Semua Fakulti (termasuk Kampus Bintulu) – 16 Fakulti
- ii. Pusat Asasi Sains Pertanian
- iii. Taman Pertanian Universiti (termasuk Kampus Bintulu)
- iv. Pusat Jaminan Kualiti
- v. Pejabat Penasihat Undang-undang
- vi. Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
- vii. Pejabat Pendaftar
- viii. Pejabat Bursar
- ix. Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
- x. Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- xi. Bahagian Hal Ehwal Pelajar



Tahun 2018, UPM telah melaksanakan **peralihan Standard EMS** dengan pertambahan keperluan baharu berasaskan **standard ISO 14001:2015**

ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (2013-2019)

Isu	Cabaran
1. Pematuhan kepada Undang-Undang yang menjadi keperluan utama dalam pelaksanaan EMS ISO 14001 tidak dapat dipatuhi pada setiap tahun penilaian	<ol style="list-style-type: none">a. Menjejaskan imej universiti kerana tidak dapat mematuhi semua peruntukan yang dinyatakan dalam keperluan Undang-Undang;b. Pencapaian Objektif EMS tidak mencapai sasaran secara berterusan;c. Melaksanakan pematuhan undang-undang secara berfasa dalam tempoh 3 tahun dan memaklumkan jusifikasi kepada pihak badan Pensijilan setiap kali audit berjalan kerana tidak mematuhi keperluan melaksanakan penilaian pada setiap tahun.
2. Kekangan sumber (Kewangan dan sumber manusia)	<ol style="list-style-type: none">a. Sumber Kewangan:<ul style="list-style-type: none">• Keperluan sumber kewangan yang tinggi bagi memastikan pematuhan setiap perundangan yang terkait dengan alam sekitar di UPM bagi semua PTJ di bawah skop pensijilan;b. Sumber Manusia:<ul style="list-style-type: none">• Kesukaran mendapatkan Orang yang Kompeten sebagaimana keperluan yang diperuntukkan dalam Undang-undang (keupayaan dan kesediaan staf dalaman untuk memenuhi tahap kompetensi/latihan yang ditetapkan).



Isu	Cabaran
<p>3. Skop Pengajaran dan Pembelajaran di bawah EMS yang terlalu luas</p>	<p>a. Keperluan sumber yang diperlukan bagi mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam undang-undang adalah terpakai kepada semua PTJ di bawah skop;</p> <p>b. Berlaku pertindihan proses di bawah skop pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 dengan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001.</p> <p>Contoh: Pengurusan sisa terjadual, Penyelenggaraan kebuk wasap, Pengurusan bahan kimia</p>
<p>4. Pelaksanaan EMS sedia ada di UPM tidak menyokong mana-mana Petunjuk Prestasi (KPI) Universiti</p> <p>Contoh: Bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), pencapaian yang disasarkan adalah KPI UPM dan PG200</p>	<p>a. PTJ di bawah skop melaksanakan EMS tanpa keperluan yang signifikan dengan mana-mana KPI UPM;</p> <p>b. Pembaziran sumber manusia, masa dan kos.</p>

Isu	Cabaran
<p>5. Boundary (sempadan) dalam penetapan skop Pengajaran dan Pembelajaran tidak dapat dihayati sepenuhnya oleh Juruaudit Badan Pensijilan dan staf UPM (Auditee)</p>	<p>a. Kesukaran Juruaudit Badan Pensijilan SIRIM untuk mengaudit proses di bawah skop pengajaran sahaja memandangkan terdapat proses yang dilaksanakan secara bersama di bawah skop pengajaran dan penyelidikan;</p> <p>b. UPM perlu memberi penerangan kepada Juruaudit SIRIM setiap kali proses audit berlangsung berkenaan <i>boundary</i> skop UPM bagi mengelakkan laporan ketakakuran (NCR) dikeluarkan bagi aktiviti di luar skop pensijilan UPM.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pelepasan air melalui saluran dari makmal pengajaran dan penyelidikan yang bertujuan untuk melihat kawalan pengurusan sisa terjadual di makmal.• Penggunaan tenaga elektrik yang digunakan di makmal pengajaran dan penyelidikan.• Penggunaan kertas yang digunakan bagi aktiviti pengajaran dan penyelidikan

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-696 pada 12 Februari 2020 telah bersetuju Universiti Putra Malaysia **tidak meneruskan pensijilan** Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015 pada tahun 2020 atas justifikasi berikut:

1



Universiti melaksanakan EMS tanpa terkait (tidak signifikan) dengan mana-mana KPI UPM atau hasil yang diharapkan (*intended outcome*).
Contoh: Penarafan *UI-Green Metric*

2



Universiti sebagai organisasi pendidikan tidak mengeluarkan kadar bahan pencemar ke udara berbanding organisasi sektor industri yang berisiko tinggi bagi tahap pencemaran ke udara

3



Universiti memerlukan kos yang tinggi bagi tujuan pematuhan undang-undang alam sekitar untuk memenuhi keperluan Standard ISO 14001:2015

4



Universiti telah melaksanakan proses kawalan alam sekitar yang telah sedia ada diterapkan dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) secara menyeluruh di UPM tanpa perlu melaksanakan tindakan berulang dalam pensijilan ISO 14001:2015

5



Universiti melaksanakan skop pensijilan EMS yang terlalu luas merangkumi banyak PTJ yang terlibat memberi implikasi besar kepada keperluan sumber di UPM

6



Universiti telah melaksanakan aktiviti/program kelestarian hijau yang lebih menyeluruh berbanding pelaksanaan EMS bagi menyokong penarafan *UI-Green Metric* sebagaimana yang dihasratkan oleh Universiti:

- **Pelaksanaan dan pemantauan Polisi Hijau oleh Jawatankuasa Pepandu Hijau UPM**
- Pelaksanaan dan pemantauan penjimatan tenaga elektrik oleh Jawatankuasa Tenaga UPM
- **Kawalan penghasilan sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan melalui prosedur di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)**
- Kawalan kepada penggunaan 'pesticide' yang memberi impak kepada tanah dan air dilaksanakan melalui pemantauan dan pengukuran di bawah peraturan yang ditetapkan dalam Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP)
- **Pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran UPM di bawah sub komponen kelestarian Hijau**
- Pelaksanaan amalan berkualiti persekitaran kerja di PTJ iaitu Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di bawah kriteria *Go Green* (program penjimatan kertas dan elektrik termasuk di bawah kriteria ini)
- **Pelaksanaan dan pemantauan program penjimatan kertas oleh Pegawai Stor PTJ (bagi pembelian kertas di PTJ)**

Perkara	Tindakan
1. Pemakluman kepada pihak Badan Pensijilan	Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
2. Pemakluman rasmi kepada warga Universiti	CQA & Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
3. Penggunaan logo pensijilan EMS dalam mana-mana dokumen dan saluran rasmi hanya terpakai sehingga 28 Disember 2020.	Semua Pusat Tanggung jawab (PTJ)
4. Pemberhentian semua aktiviti untuk tujuan pensijilan EMS (Contoh: Aktiviti pengauditan, pembangunan dokumen dan penilaian risiko)	Semua Pusat Tanggung jawab (PTJ)
5. Amalan <i>Go Green</i> diteruskan selaras keperluan <i>UI-Green Metric</i>	Semua Pusat Tanggung jawab (PTJ)
6. Amalan bagi kawalan pencemaran alam sekitar yang terdapat dalam pelaksanaan EMS perlu diteruskan dan dimasukkan dalam dokumen QMS atau kaedah yang bersesuaian (Contoh: Pengendalian Bahan Beracun dan Pengurusan Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran)	Semua Peneraju Proses EMS

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti dimohon **mengambil perhatian** berhubung Status Pensijilan EMS UPM iaitu:

- 1. isu dan cabaran pelaksanaan EMS UPM** sepanjang tempoh 2013 hingga 2019;
- UPM **tidak meneruskan pensijilan EMS** tahun 2020 dengan justifikasi yang dinyatakan;
- 3. tindakan bagi penamatan pensijilan EMS** UPM yang perlu dilaksana oleh PTJ.